

"Setiap kali diubah suai plot ratio atau kelulusan itu ada hubungan dan habuan politik. Ini amalan jijik yang merosakkan dan rasuah itu mesti dihentikan, sebab itu saya tangguhkan pada peringkat awal

Anwar Ibrahim,
Perdana Menteri



Henti minta, beri komisen laksana projek pembangunan

Amalan hulur habuan kepada menteri, parti politik bawa kerosakan negara

Oleh Rohaniza Idris
dan Essa Abu Yamin
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Datuk Seri Anwar Ibrahim mahu amalan meminta dan memberi komisen dalam pelaksanaan projek pembangunan, termasuk projek perumahan di negara ini, dihentikan segera.

Perdana Menteri menegaskan, kerajaan pentadbirannya tidak pernah menghalang mana-mana syarikat beroperasi mereka dan memperoleh keuntungan, namun amalan memberi komisen kepada menteri atau parti politik tidak seharusnya berlaku.

"Ada keuntungan (syarikat) tiada masalah, tapi janganlah potong RM10 juta atau RM15 juta untuk menteri atau parti seperti amalan sebelum ini yang merosakkan.

"Ramai yang marah saya kerana menyinggung hal ini tapi semua orang tahu, tanyalah pemaaju Wilayah Persekutuan.

"Adakah saya betul atau salah, atau saya sengaja membesar-besarkan atau saya bercakap benar? Hakikatnya semua mengakui perkara ini sudah menjadi amalan. Jadi, kita harus hentikan amalan buruk ini," katanya ketika merasmikan Majlis Pecah Tanah Residen Wilayah dan Re-

sidensi Prihatin MADANI serta Pusat Penjaja MADANI di Desa Tasik Sungai Besi di sini, semalam.

Perdana Menteri berkata, adalah lebih baik komisen berkenaan dipulangkan kepada rakyat dengan mewujudkan pembangunan projek seimbang meliputi pembinaan projek perumahan bagi rakyat berpendapatan rendah dan pusat penjaja yang lebih tersusun.

Tanggung projek baharu

"Peringkat awal saya ambil alih tanggungjawab Wilayah Persekutuan itu memang saya menghentikan projek baharu kerana tidak mahu meneruskan amalan lama berkenaan.

"Setiap kali diubah suai plot ratio atau kelulusan berkenaan ada hubungan dan habuan politik. Ini amalan jijik yang merosakkan dan rasuah itu mesti dihentikan, sebab itu saya tangguhkan pada peringkat awal.

"Apabila kita sudah siapkan struktur dan kerangka Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, kita

harus teruskan dan tidak ada alasan memperlambatkan tahap kelulusannya sebaik memenuhi syarat," katanya.

Perdana Menteri turut menyarankan pemaaju membina lebih banyak projek perumahan bagi penduduk berpendapatan rendah, terutama di kawasan bandar.

Katanya, pembangunan Wilayah Persekutuan khususnya Kuala Lumpur harus dipacu dengan bangunan indah, kemudahan, kediaman, restoran dan hotel kerana ia petanda kota berjaya dan makmur.

"Bagaimanapun, harus ada ke-lainan dan keunikannya iaitu ibu kota yang prihatin, ibu kota MADANI. Ini bermakna sebahagian besar rakyat, terutama golongan berpendapatan rendah tidak ter-sisih daripada arus pembangunan.

"Justeru, menjadi tanggungjawab bersama kerajaan dan swasta memastikan setiap projek perumahan yang besar perlu ada perumahan sampingan untuk rakyat bawahan," katanya.

